



HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET

Anda diminta untuk membaca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Skim KRTB CARE PRIHATIN ini.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi no 010 - 876 5005 atau pada talian 03 - 9059 8935 (waktu pejabat sahaja 9am - 5pm).

KOPERASI RAKAN TEKUN BERHAD (W-4-1059)



TARIKH : 15 / 08 / 2025

Apakah produk ini?

Produk / Skim KRTB CARE PRIHATIN ini menyediakan manfaat takaful yang direka khas untuk menyediakan perlindungan dengan harga bulanan / tahunan mampu milik terhadap sebarang kejadian yang tidak diingini kepada orang yang dilindungi sepanjang tempoh keahlian.

Apakah konsep syariah yang terlibat untuk produk / Skim ini ini?

Dua (2) konsep syariah yang terlibat untuk produk / skim ini adalah :

A) TABARRU' : Merujuk kepada sumbangan oleh peserta-peserta takaful ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada peserta-peserta takaful atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam Dana Risiko

B) WAKALAH : Merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Koperasi, kami dilantik sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan perniagaan takaful dan fi wakalah (ujrah) akan dibayar kepada pihak Koperasi.

Siapakah yang layak menyertai Produk / Skim ini?

Keahlian adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira bangsa dan agama. Penyertaan juga boleh dilanjutkan kepada pasangan dan anak melalui pendaftaran pakej keluarga. Anak - anak juga boleh didaftarkan secara berasingan melalui pakej solo sebagai pendaftaran tambahan.

Apakah Syarat Dan Peraturan Penyertaan Produk / Skim Ini?

A) Semua pemohon mestilah berstatus warganegara Malaysia dan berumur 18 hingga 69 tahun pada hari permohonan. Umur pendaftaran anak didalam pakej keluarga pula mestilah berumur 30 hari ke atas. Maksimum enam (6) orang untuk setiap pakej keluarga.

B) Pakej ini boleh disertai melalui bayaran sumbangan tahunan atau melalui potongan gaji bulanan. **Penting : Untuk pilihan potongan gaji bulanan, surat pengesahan majikan perlu disertakan sekali untuk kebenaran potongan gaji.**

C) Setiap proses permohonan mengambil masa sekurang - kurangnya 30 - 45 hari dari tarikh permohonan dihantar. Bergantung kepada tarikh kelulusan potongan gaji / bayaran sumbangan diterima.

D) Setiap permohonan yang berjaya akan menerima No ID keahlian dan Kata Laluan Khas untuk Laman Khas Skim di syskop serta Kad Keahlian Virtual.

Apakah Syarat Dan Peraturan Perlindungan Produk / Skim Ini?

A) Perlindungan akan bermula pada tarikh 15hb setiap bulan setelah permohonan berjaya. Contoh : bukti potongan gaji diterima / disahkan pada 20 - 31hb Julai, keahlian / perlindungan akan bermula pada 15 Ogos (tertera pada kad virtual)

B) Tempoh perlindungan adalah bergantung dengan tempoh keahlian / bayaran sumbangan diterima. Tempoh perlindungan pasangan (pakej keluarga) pula adalah mengikut tempoh perlindungan ahli. Tempoh Perlindungan dewasa adalah sehingga umur 70 tahun.

C) Tempoh perlindungan setiap anak (pakej keluarga) pula maksimum sehingga berumur 18 tahun dan juga bergantung kepada tempoh keahlian ahli.

Apakah Manfaat Perlindungan Yang Ditawarkan Didalam Produk / Skim Ini?

A) Manfaat Kematian (Punca Semulajadi/Kemalangan)

Sekiranya kematian Orang yang Dilindungi disebabkan oleh sebab semula jadi atau tidak sengaja, Jumlah Perlindungan Kematian akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus. Sijil Takaful akan ditamatkan selepas pembayaran manfaat kematian.

B) Manfaat Keilatan Kekal (Sebab Semulajadi/ Akibat Kemalangan)

Sekiranya orang yang dilindungi mengalami keilatan kekal disebabkan oleh sebab semula jadi atau akibat kemalangan untuk tempoh yang berterusan sekurang - kurangnya enam (6) bulan, amaun perlindungan untuk manfaat keilatan kekal akan dibayar dalam satu jumlah sekaligus.

C) Manfaat Perlindungan Untuk 36 Penyakit Kritikal

Sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan mana-mana 36 Penyakit Kritikal dalam tempoh Sijil Takaful, Jumlah manfaat yang Dilindungi akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus. **Jumlah Perlindungan yang perlu dibayar untuk manfaat ini akan mengurangkan Jumlah Perlindungan untuk manfaat Kematian/keilatan kekal.**

D) Manfaat Bayaran Serta Merta Untuk Kematian

Sekiranya berlaku kematian Orang yang Dilindungi, Jumlah Perlindungan Bayaran Kilat untuk kematian akan dibayar dalam satu jumlah sekali gus. Perlindungan untuk anak (pakej keluarga) adalah sehingga mereka berumur 18 tahun.

E) Manfaat Elaun Harian Hospital

Sekiranya orang yang dilindungi dimasukkan ke hospital di hospital kerajaan atau pusat perubatan/ hospital berdaftar, amaun perlindungan harian akan dibayar bagi tempoh kemasukan minimum selama enam (6) jam berturut-turut (tidak termasuk kemasukan akibat rawatan penjagaan harian) bagi hospital yang mengenakan caj bilik dan penginapan harian.

Bilangan maksimum hari adalah:

- 180 hari bagi setiap kemasukan ke hospital / per kes.
- Kuota 365 hari ke atas semua sebab kemasukan ke hospital, selepas itu manfaat ini akan tamat. Had Kuota diguna pakai ke atas sepanjang hayat orang yang dilindungi.

Penting : Adakah kematian disebabkan oleh penyakit sedia ada dilindungi?

Semua **Kematian biasa akibat penyakit sedia ada** adalah tidak dilindungi dalam tempoh tahun pertama (365 hari bermula dari tarikh mula perlindungan / keahlian).

Contoh Penyakit Sedia Ada : Sakit Jantung, Sakit Buah Pinggang , Diabetes (Kencing Manis) dan Semua Jenis Kanser.

Apakah yang TIDAK dilindungi oleh Skim KRTB CARE PRIHATIN ?

Manfaat tidak dapat dituntut / tidak dilindungi oleh skim jika kematian / keilangan kekal akibat semulajadi atau kemalangan) telah berlaku disebabkan oleh kejadian seperti yang disenaraikan dibawah :

1	Bunuh diri (<i>suicide</i>)
2	Berkenaan dengan penyakit AIDS
3	Berkenaan dengan penyakit seksual (HIV)
4	Keadaan Sedia Wujud (Untuk Manfaat Kematian semulajadi : Tahun Pertama sahaja)
5	Mencederakan diri sendiri
6	Perkhidmatan ketenteraan pada waktu perang
7	Aktiviti tidak berjadual dengan pengangkutan udara
8	Dibawah pengaruh alkohol dan dadah
9	Penglibatan di dalam rusuhan
10	Penglibatan di dalam aktiviti pengganas
11	Ketidakpatuhan kepada undang-undang
12	Kecederaan berkaitan dengan sebab-sebab nuclear/radioaktif

Apakah 36 jenis penyakit kritikal yang dilindungi pakej ini?

Senarai 36 penyakit kritikal yang dilindungi adalah seperti dibawah :

1	Strok/Angin Ahmar	19	Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang
2	Serangan Jantung - keterukan tertentu	20	Hilang Keupayaan Bertutur
3	Kegagalan Buah Pinggang	21	Pembedahan Otak
4	Kanser - keterukan tertentu	22	Pembedahan Injap Jantung
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	23	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri
6	Penyakit Arteri Koronari Serius	24	Meningitis Bakteria
7	Angioplasti	25	Trauma Kepala Major
8	Kegagalan Hati Tahap Akhir	26	Anemia Aplastik Kronik
9	Hepatitis	27	Penyakit Neuron Motor
10	Koma	28	Penyakit Parkinson
11	Tumor Otak - keterukan tertentu	29	Penyakit Alzheimer/Demensia Teruk
12	Kelumpuhan Anggota	30	Distrofi Otot
13	Buta - Kekal & Tidak Boleh Pulih	31	Pembedahan Aorta
14	Pekak - Kekal & Tidak Boleh Pulih	32	Sklerosis Multipel
15	Kelecuran Tahap Ketiga	33	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
16	Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	34	Penyakit Sistik Medular
17	Penyakit Paru-paru Tahap Akhir	35	Kardiomiopati - keterukan tertentu
18	Ensefalitis	36	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Kompilasi Buah Pinggang Yang Teruk

Apakah maksud Keilatan kekal dan menyeluruh (akibat semulajadi / kemalangan)?

Maksud Keilatan kekal dan menyeluruh adalah apabila individu mengalami 3 situasi berikut disebabkan oleh akibat semulajadi seperti penyakit atau akibat kemalangan :

A) Tidak berkeupayaan penuh atau lumpuh, berkekal, sehingga tidak mampu melakukan pekerjaannya dan pekerjaan lain (pengalaman, latihan & pengalaman), sekurang-kurangnya 6 bulan berturut-turut.

B) Kehilangan menyeluruh dan tiada harapan untuk sembuh :

- kedua-dua belah mata, atau
- Dua anggota badan tangan atau kaki, atau
- Mata dan tangan atau kaki

C) Tidak berkeupayaan melaksanakan sekurang-kurangnya tiga (3) Aktiviti kehidupan harian dibawah selama 6 bulan :

- Berpindah
- Bergerak
- Pengawalan perkumuhan
- Berpakaian
- Membersihkan diri
- Makan

Berapakah peratus bayaran tuntutan manfaat keilatan kekal akibat kemalangan?

Jumlah peratus bayaran tuntutan manfaat keilatan kekal akibat kemalangan adalah sepertimana Didalam jadual berikut :

No	Penerangan Kecederaan	Peratusan Pampasan
1.	Kehilangan penglihatan kedua-dua mata yang tidak boleh disembuhkan	100%
2.	Kehilangan kedua-dua belah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan	100%
3.	Kehilangan kedua-dua belah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
4.	Kehilangan sebelah tangan dari paras atau di atas pergelangan tangan dan penglihatan sebelah mata	100%
5.	Kehilangan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali dan penglihatan sebelah mata	100%
6.	Kehilangan sebelah tangan dari paras pergelangan tangan dan sebelah kaki dari paras atau di atas pergelangan buku lali	100%
7.	Kehilangan sebelah tangan pada atau di atas pergelangan tangan	50%
8.	Kehilangan sebelah kaki pada atau di atas pergelangan buku lali	50%
9.	Kehilangan penglihatan pada sebelah mata	50%
10.	Kehilangan penuh pendengaran pada kedua-dua belah telinga yang tidak dapat disembuhkan	50%
11.	Kehilangan penuh pendengaran pada sebelah telinga yang tidak dapat disembuhkan	10%
12.	Kehilangan penuh daya pertuturan yang tidak dapat disembuhkan	50%
13.	Hilang:-	
a)	Empat batang jari dan ibu jari dari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	50%
b)	Empat batang jari sebelah tangan pada atau di atas sendi metacarpal	40%
c)	Ibu Jari: - Kedua-dua ruas - Satu ruas	25% 10%
d)	Jari telunjuk: - Ketiga - tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	10% 8% 4%
e)	Jari tengah: - Ketiga - tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	6% 4% 2%
f)	Jari manis: - Ketiga - tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	5% 4% 2%
g)	Jari kelingking: - Ketiga - tiga ruas - Dua ruas - Satu ruas	4% 3% 2%
h)	Metacarpal: - Pertama atau kedua - Ketiga, keempat atau kelima	3% 2%
i)	Jari kaki: - Kesemua jari sebelah kaki - Kedua - dua ruas ibu jari kaki - Satu ruas ibu jari kaki - Selain dari ibu jari kaki, sekiranya lebih dari sebatang tiap - tiap satu	15% 5% 2% 1%

Apakah syarat dan peraturan untuk proses tuntutan?

Setiap tuntutan perlulah berdasarkan syarat dan peraturan berikut :

1	Setiap kes tuntutan hendaklah dilaporkan pada talian 010 - 876 5005 atau pada talian 03 - 9059 8935 (waktu pejabat sahaja 9am - 5pm)
2	Salinan Sijil Kematian dan Kad Pengenalan perlu dikemukakan kepada KRTB sebagai bukti sah kematian untuk tuntutan manfaat. Salinan Permit Mengubur juga boleh disertakan sebagai dokumen tambahan. Segala tuntutan akibat kematian adalah tertakluk kepada kelulusan dari pihak Takaful.
3	Salinan laporan polis perlu disertakan sebagai dokumen tambahan untuk tuntutan kematian akibat kemalangan. Segala tuntutan kematian akibat kemalangan adalah tertakluk kepada kelulusan dari pihak Takaful.
4	Salinan laporan perubatan perlu disertakan untuk tuntutan manfaat keilangan kekal akibat sakit biasa atau kemalangan untuk tempoh keadaan yang berterusan sekurang - kurangnya enam (6) bulan. Salinan Laporan polis juga diperlukan untuk tuntutan akibat kemalangan. Segala tuntutan manfaat keilangan kekal adalah tertakluk kepada kelulusan dari pihak Takaful. Jumlah Perlindungan yang perlu dibayar untuk manfaat ini akan mengurangkan Jumlah Perlindungan untuk manfaat Kematian/keilangan kekal.
5	Salinan laporan perubatan perlu disertakan untuk tuntutan manfaat 36 penyakit kritikal. Segala tuntutan manfaat perlindungan penyakit kritikal adalah tertakluk kepada kelulusan dari pihak Takaful.
6	Elaun harian hospital boleh dituntut hanya untuk kes rawatan / hospitalisasi yang memerlukan pesakit berada di wad melebihi 6 jam per hari sahaja (sakit akibat semulajadi atau kemalangan)
7	Kuota tuntutan elaun harian hospital adalah sebanyak 365 hari sepanjang tempoh keahlian. Maksimum tuntutan per kes rawatan / hospitalisasi adalah sebanyak 180 hari. (tidak termasuk kemasukan akibat rawatan penjagaan harian) bagi hospital yang mengenakan caj bilik dan penginapan harian.
8	Salinan nota discaj perlu disertakan untuk setiap tuntutan elaun harian hospital. Segala tuntutan elaun harian hospital adalah tertakluk kepada kelulusan dari pihak Takaful.
9	Hanya tuntutan manfaat kematian akibat kemalangan sahaja boleh dituntut apabila berlaku kematian disebabkan kemalangan.
10	Segala tuntutan perlu dibuat dalam masa 3 bulan (90 hari) dari tarikh kematian / kemalangan / pengesahan keilangan kekal / pengesahan 36 penyakit kritikal / hospitalisasi.
11	Maklumat di atas hanya digunakan sebagai panduan. Pihak KRTB dan Pihak Takaful berhak meminta dokumen - dokumen tambahan yang berkaitan apabila diperlukan.

Apa yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan maklumat perhubungan?

Sebarang perubahan maklumat penting seperti nombor telefon anda atau waris dan alamat perhubungan boleh dimaklumkan kepada kami di talian 010 - 876 5005 atau pada talian 03 - 9059 8935 (waktu pejabat sahaja 9am - 5pm).

Bagaimana saya boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut?

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, kami boleh dihubungi di :

Koperasi Rakan TEKUN Berhad (KRTB)
T5-01-01, Menara 5, Lingkaran Maju,
Jalan Lingkaran Tengah 2, Bandar Tasik Selatan,
57000 WP Kuala Lumpur

Tel : 010 - 876 5005 / 03 - 9059 8935

Emel : infocare@krtb.com.my / krtb@tekun.gov.my

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DI DALAM SKIM INI ADALAH MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN BULANAN MAMPU MILIK UNTUK TEMPOH MASA JANGKA PANJANG. ANDA HENDAKLAH MEMILIH JENIS PAKEJ BULANAN YANG BENAR-BENAR BERSEKUTUAN DENGAN KEPERLUAN ANDA DAN KELUARGA ANDA.

ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT DIDALAM SKIM INI DENGAN TELITI AGAR TIADA KEKELIRUAN TERHADAP SKOP PERLINDUNGAN DAN TUNTUTAN BERKAITAN PAKEJ ANDA PADA MASA HADAPAN. ANDA JUGA BOLEH MENGHUBUNGI KAMI SECARA TERUS UNTUK SEBARANG MAKLUMAT BERKAITAN / TAMBAHAN BERKENAAN SKIM INI.

ANDA JUGA PERLU UNTUK SEGERA MENGHUBUNGI / MEMBERITAHU PIHAK KAMI SEKIRANYA SETELAH MENJADI AHLI SKIM INI, TERDAPAT PERUBAHAN TERHADAP MAKLUMAT YANG TELAH ANDA DAFTARKAN DI DALAM SKIM INI. SEGALA SOKONGAN ANDA UNTUK SKIM INI JUGA AMATLAH DIHARGAI DAN DISANJUNG TINGGI.